

# FWD Cherish Life

## Insurans Hayat, Kemalangan & Penyakit Kritikal

Hargai setiap detik, lindungi orang tersayang anda sepanjang hayat



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# **Anda sentiasa berada di sisi keluarga anda.**

Keluarga anda bergantung kepada anda untuk kasih sayang, penjagaan, dan perlindungan. Kini, anda boleh membawa perlindungan itu ke tahap seterusnya dan menjamin masa depan mereka.

**Dengan FWD Cherish Life, anda boleh yakin bahawa anda akan sentiasa ada untuk mereka, walau apa jua yang berlaku.**

**FWD Cherish Life** merupakan pelan insurans yang mudah dan mampu milik yang menawarkan perlindungan penting sehingga umur 100 tahun. Tiada perkara yang lebih menenangkan fikiran selain mengetahui bahawa keluarga anda akan sentiasa dijaga dengan baik, walau apa jua yang mendatang.

# Lindungi Masa Depan Keluarga Anda

## Penerimaan Terjamin dari umur 30 hingga 70 tahun

Dapatkan perlindungan segera tanpa perlu membuat pemeriksaan perubatan atau melengkapkan soal selidik kesihatan.

## Perlindungan sehingga umur 100 tahun

Anda boleh menikmati ganjaran dari kehidupan yang penuh bermakna. Pelan ini akan memberi anda perlindungan sehingga umur 100 tahun untuk ketenangan fikiran anda. Oleh itu, duduk dan berehatlah, biarkan kami melindungi anda sementara anda menjaga orang yang tersayang.

## Premium Tetap dan Terjamin Sepanjang Tempoh Polisi

Premium anda kekal sama sepanjang tempoh polisi. Pilih antara 1 hingga 10 unit, dengan RM100 sebulan setiap unit, untuk menyesuaikan perlindungan mengikut bajet anda.

Umur Penyertaan	Unit Premium Minimum	Unit Premium Maksimum (Setiap Hayat)
30 – 50 tahun	1	
51 – 60 tahun	2	10
61 – 70 tahun	4	

## Manfaat Matang yang Lumayan

Pelan ini memberi anda Manfaat Matang secara sekaligus pada akhir tempoh polisi anda. Selepas itu, polisi akan ditamatkan.

Umur Penyertaan	Manfaat Matang
30 – 60 tahun	<b>200%</b> daripada Jumlah Premium Asas yang dibayar
61 – 70 tahun	<b>150%</b> daripada Jumlah Premium Asas yang dibayar

## Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan

Sekiranya berlaku kematian akibat bukan kemalangan, keluarga anda akan menerima jumlah perlindungan asas seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Selepas itu, polisi akan ditamatkan.

Tahun Polisi	Umur Penyertaan Orang yang Diinsuranskan	Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan yang akan dibayar
1 dan 2	Semua umur	100% daripada Jumlah Premium Asas yang Dibayar
	30 – 60 tahun	Yang tertinggi di antara: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 110% daripada Jumlah Premium Asas yang Dibayar;</li> <li>• 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan; atau</li> <li>• 100% daripada Nilai Tunai Asas</li> </ul>
3 dan seterusnya	61 – 70 tahun	Yang tertinggi di antara: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 105% daripada Jumlah Premium Asas yang Dibayar;</li> <li>• 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan; atau</li> <li>• 100% daripada Nilai Tunai Asas</li> </ul>

## Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Untuk meringankan beban kewangan orang tersayang anda, pelan ini menawarkan perlindungan yang lebih tinggi dengan bayaran Manfaat Kematian Akibat Kemalangan setinggi 500% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan.

Punca Kematian Akibat Kemalangan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan yang akan dibayar
Kematian Akibat Kemalangan <sup>1</sup>	<b>300%</b> daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan
Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menggunakan Pengangkutan Awam <sup>1</sup>	<b>400%</b> daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan
Kematian Akibat Kemalangan Yang Berlaku Di Luar Malaysia <sup>1,2</sup>	<b>500%</b> daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (sebarang punca kemalangan) ditawarkan untuk yang sebelum umur 80 tahun. Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan (sebarang punca kemalangan) pada atau selepas umur 80 tahun, Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan akan dibayar.

<sup>1</sup> Kematian mestilah disebabkan oleh Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan.

<sup>2</sup> Sijil kematian mesti dikeluarkan dari negara di luar Malaysia.

## Perlindungan Tambahan Terhadap Penyakit Kritikal



Kanser



Serangan Jantung



Kegagalan Buah Pinggang



Strok/ Angin Ahmar



Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Kami melindungi anda daripada 5 penyakit kritikal utama. Sekiranya anda didiagnosis buat pertama kali dari tahun polisi ke-6, anda akan menerima bayaran sekaligus seperti di bawah:

Umur Penyertaan	Manfaat Penyakit Kritikal bagi Setiap Unit Premium*
30 – 50 tahun	RM 2,000
51 – 60 tahun	RM 1,000
61 – 70 tahun	RM 500

Anda boleh menikmati Manfaat Penyakit Kritikal tambahan dengan pembelian 5 unit dan ke atas.

Unit Premium	Tambahan % Manfaat Penyakit Kritikal bagi Setiap Unit Premium
5 – 9	10%
10	20%

### Bilangan Unit\*

(Contohnya Orang yang Diinsuranskan berumur 30 tahun)

1

5

10



Premium Bulanan (RM)

100

500

1,000



Manfaat Penyakit Kritikal (RM)

2,000

10,000

20,000



Tambahan % Manfaat Penyakit Kritikal

0%

10%

20%



Jumlah Manfaat Penyakit Kritikal (RM)

2,000

11,000

24,000

\*Tertakluk kepada pembelian maksimum 10 unit setiap hayat.

# Bagaimana pelan ini berfungsi

## Kami sentiasa melindungi anda dengan FWD Cherish Life



Adam telah berkahwin dan mempunyai seorang anak lelaki. Dia rajin bekerja untuk menyara keluarganya, namun dia sedar bahawa kehidupan ini tidak menentu.

Adam membeli 5 unit **FWD Cherish Life**, dengan bayaran premium **RM500 bulanan** untuk jumlah yang Diinsuranskan sebanyak **RM311,000**.

Proses pendaftaran adalah mudah dan pantas.



Selepas 6 tahun, Adam menghidapi serangan jantung. Dengan **FWD Cherish Life**, dia menerima jumlah bayaran sekaligus sebanyak **RM11,000 (RM10,000 Manfaat Penyakit Kritis dan manfaat tambahan 10%)** untuk menampung kos rawatan sepanjang tempoh pemulihan.



Setelah dia pulih, Adam membawa keluarganya bercuti di luar negara.



Malangnya, mereka terlibat dalam kemalangan semasa bercuti di luar negara, dan Adam meninggal dunia. Dengan **FWD Cherish Life**, isteri Adam menerima sebanyak **500% Manfaat Kemalangan Akibat Kemalangan**, iaitu **RM 1,555,000** untuk menampung perbelanjaan keluarganya.

### Premium Bulanan Adam

Premium Setiap Unit	RM100
Unit yang Dipilih	5 unit
Jumlah Premium Bulanan	RM500

### Jumlah Bayaran Keseluruhan Adam

Manfaat Penyakit Kritis	RM10,000
Tambahan 10% Manfaat Penyakit Kritis	RM1,000
500% Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	RM1,555,000
Jumlah Bayaran Keseluruhan	RM1,566,000

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sila dapatkan salinan Ilustrasi Jualan yang sesuai dengan keperluan anda dan rujuk Dokumen Polisi untuk terma dan syarat yang lengkap.

# Siapa yang layak

## Kelayakan

Jumlah Asas yang Diinsuranskan	<p>Jumlah Asas yang Diinsuranskan adalah tertakluk kepada umur, jantina, dan bilangan unit premium.</p> <p>Sila rujuk kepada Jadual Jumlah yang Diinsuranskan bagi Setiap Unit Premium.</p>													
Premium	<p><b>Premium Tetap dan Terjamin Sepanjang tempoh polisi</b></p> <p>Premium anda kekal sama sepanjang tempoh polisi.</p> <p>Pilih antara 1 hingga 10 unit, dengan RM100 sebulan setiap unit, untuk menyesuaikan perlindungan mengikut bajet anda.</p>													
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)</th><th>Unit Minimum</th><th>Unit Maksimum (Setiap Hayat)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>30 – 50 tahun</td><td>1</td><td rowspan="2">10</td></tr> <tr> <td>51 – 60 tahun</td><td>2</td></tr> <tr> <td>61 – 70 tahun</td><td>4</td><td></td></tr> </tbody> </table>			Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)	Unit Minimum	Unit Maksimum (Setiap Hayat)	30 – 50 tahun	1	10	51 – 60 tahun	2	61 – 70 tahun	4	
Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)	Unit Minimum	Unit Maksimum (Setiap Hayat)												
30 – 50 tahun	1	10												
51 – 60 tahun	2													
61 – 70 tahun	4													
Orang yang Diinsuranskan	Umur penyertaan minimum: 30 tahun	Umur penyertaan maksimum: 70 tahun	Umur tamat tempoh maksimum: 100 tahun											
														

## Bila kami tidak membayar sebarang manfaat

Di FWD Insurance, kami tidak menetapkan senarai klausa tersembunyi yang panjang, yang menghalang kami daripada memberi anda apa yang sepatutnya diterima semasa tuntutan. Oleh itu, kami telah mengurangkan senarai pengecualian kami kepada kriteria berikut.

Kami tidak akan membayar **Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan atau Manfaat Kematian Akibat Kemalangan** di bawah pelan asas ini jika tuntutan akibat daripada:

<b>Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri</b>	Bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari permulaan polisi atau tarikh terakhir kami mengembalikan polisi anda, yang mana lebih kemudian. Pengecualian ini terpakai tanpa mengira keadaan mental mereka.
<b>Tindakan berperang</b>	Tindakan berperang (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.
<b>Tindakan menyalahi undang-undang</b>	Apabila anda atau Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

Kami tidak akan membayar **Manfaat Penyakit Kritikal** di bawah pelan asas ini jika tuntutan akibat daripada:

- i. HIV, penyakit berkaitan HIV, atau AIDS; atau
- ii. radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pemecahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
- iii. penyalahgunaan alkohol, narkotik, dadah atau kecederaan diri sendiri sama ada waras atau tidak waras.

## Jadual Jumlah Asas yang Diinsuranskan bagi Setiap Unit Premium

Umur Penyertaan	Lelaki	Perempuan
30	62,200	62,300
31	60,400	60,500
32	58,600	58,700
33	56,700	56,900
34	54,900	55,100
35	53,000	53,200
36	50,900	51,300
37	48,700	49,300
38	46,600	47,400
39	44,400	45,400
40	42,200	43,400
41	40,400	41,800
42	38,600	40,100
43	36,800	38,500
44	35,000	36,800
45	33,100	35,100
46	31,600	33,700
47	30,100	32,300
48	28,600	30,800
49	27,100	29,400
50	25,500	27,900
51	24,000	26,300
52	22,500	24,600
53	20,900	22,900
54	19,400	21,200
55	17,800	19,500
56	16,800	18,700
57	15,700	17,800
58	14,700	16,900
59	13,600	16,000
60	12,500	15,100
61	11,800	14,400
62	11,100	13,600
63	10,400	12,800
64	9,700	12,000
65	9,000	11,200
66	8,500	10,700
67	8,000	10,100
68	7,500	9,500
69	7,000	8,900
70	6,500	8,300

## Nota Penting

**FWD Cherish Life** merupakan pelan insurans hayat seumur hidup tanpa penyertaan yang menawarkan perlindungan kehidupan sehingga umur 100 tahun hari lahir berikutnya.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menggunakan Pengangkutan Awam dan Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Yang Berlaku Di Luar Malaysia ditawarkan untuk yang sebelum umur 80 tahun dan tertakluk kepada had maksimum setiap hayat sebanyak RM2.0 juta, RM4.0 juta, dan RM6.0 juta masing-masing. Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan (sebarang punca kemalangan) pada atau selepas umur 80, Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan akan dibayar.

Manfaat Penyakit Kritikal ditawarkan untuk yang sebelum umur 80 tahun dan bayaran adalah tertakluk kepada maksimum RM3.0 juta setiap hayat. Orang yang Diinsuranskan mesti kekal hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh diagnosis Penyakit Kritikal. Selepas Manfaat Penyakit Kritikal dibayar, manfaat ini akan ditamatkan.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk Pelepasan Cukai untuk Insurans Hayat, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Anda harus berpuas hati bahawa ini merupakan pelan terbaik untuk memenuhi keperluan dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Jika anda telah membayar 3 premium tahunan penuh, anda akan menerima Nilai Tunai Terjamin apabila anda menyerahkan polisi anda. Jika anda membatalkan polisi anda pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat kembali jumlah yang kurang daripada jumlah yang telah anda bayar.

Jika anda membatalkan polisi ini dalam Tempoh Pengamatan Percuma selama 15 hari dari tarikh penghantaran polisi, kami akan membayar balik semua premium yang anda telah bayar tanpa faedah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan kepada anda.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk dan Kontrak Polisi untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia atau Bahasa Cina bagi risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

## Untuk maklumat lanjut

Sila hubungi mana-mana  
Penasihat Kewangan kami,  
sembang secara langsung  
dengan kami di [fwd.com.my](http://fwd.com.my)  
atau e-mel [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com)



### Talian Khidmat Pelanggan

**1 300 22 6262**

(Waktu operasi:  
8.30am – 5.30pm,  
Isnin hingga Jumaat,  
kecuali cuti umum)

## Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah sebahagian daripada Kumpulan FWD, syarikat insurans pan-Asia terkemuka dengan lebih 13 juta\* pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD mencapai ulang tahunnya yang ke-10 pada 2023. Syarikat memberi tumpuan untuk menjadikan perjalanan insurans lebih mudah, pantas dan lancar dengan cadangan yang inovatif dan produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang diterajui oleh pelanggan kami, FWD komited untuk mengubah cara orang ramai berfikir tentang insurans.

\*Pada Mar 2024

## Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan raykat Malaysia.